



JABATAN PERTANIAN



TATACARA OPERASI PIAWAI

TOP 1.5.2/0018/BPS/0004

**TATACARA PINDAAN
TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP) JABATAN PERTANIAN**

PERKARA	DILULUSKAN	DIDAFTARKAN
TANDATANGAN		
NAMA	DATO' NOR SAM BINTI ALWI	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
JAWATAN	KETUA PENGARAH PERTANIAN	PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
TARIKH	2 0 DEC 2023	2 0 DEC 2023

	BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK	Bil Muka Surat	6
		Tarikh Kuatkasa	20 Disember 2023
		Bil Pindaan	
TOP: 1.5.2/0018/BPS/0004	TATACARA PINDAAN TATACARA OPERASI PIAWAI JABATAN PERTANIAN	Tarikh Akhir Kemaskini	
PEMILIK TOP	UNIT PERANCANGAN STRATEGIK		

Tatacara Bagi PindaanTatacara Operasi Piawai Jabatan Pertanian

1. Tujuan

TOP ini disediakan sebagai rujukan kepada semua Bahagian/ Negeri/ Seksyen/ Unit di Jabatan Pertanian dalam melaksanakan pindaan TOP kepada Bahagian Perancangan Strategik sebagai penyelarasan TOP Jabatan Pertanian.

2. Pengenalan

Pindaan TOP merupakan satu kaedah atau tatacara yang perlu di laksanakan oleh bahagian/ negeri/ seksyen / unit dalam membuat pindaan atau mengemaskini TOP sediaada yang telah diluluskan.

Pindaan atau kemaskini di dalam TOP hanyalah bersifat editorial dan tidak melibatkan apa-apa perubahan dasar TOP sediaada serta TOP yang telah dikemaskini hanya perlu di luluskan oleh Pendaftar TOP sahaja.

TOP yang telah dipinda atau kemaskini akan direkod di dalam Rekod Pindaan.

3. Skop

Pindaan TOP ini digunakan oleh pegawai di Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab mengemaskini Tatacara Operasi Piawai yang disediakan di bahagian/ negeri/ seksyen / unit masing-masing.

4. Definasi

4.1) Pendaftar TOP

Pendaftar TOP bagi Jabatan Pertanian adalah Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Pertanian

4.2) Buku Daftar TOP

Buku daftar TOP adalah satu rekod pangkalan data yang menyimpan semua rekod-rekod TOP Jabatan Pertanian

4.3) Urusetia TOP

Urusetia TOP Jabatan Pertanian adalah Unit Perancangan Strategik

5. *Tanggungjawab*

Pengesahan Pindaan TOP ini dibawah tanggungjawab Pengarah Bahagian Perancangan Strategik yang bertanggungjawab menyemak, menilai dan mengesahkan setiap pindaan / kemaskini yang terkandung di dalamnya.

Urusetia TOP Bahagian Perancangan Strategik akan sentiasa mengemaskini dan menambahbaik TOP ini dari masa ke semasa bersesuaian dengan keadaan dan keperluan TOP ini.


Pegawai-pegawai yang terlibat akan mengemaskini tatacara operasi piawai Jabatan Pertanian mengikut tatacara pindaan seperti yang digariskan di dalam TOP ini.

6. *Tatacara*

Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam mendaftar tatacara operasi piawai Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:-

- 6.1) Pendaftar menerima permohonan pindaan berserta dengan deraf tatacara operasi piawai dari Pengarah Bahagian/ Pengarah Pertanian Negeri/ Ketua Unit
- 6.2) Pendaftar akan meminitkan permohonan pindaan TOP dalam tempoh sehari selepas menerima permohonan daripada Bahagian/ Negeri/ Unit kepada urusetia untuk rekod dan semakan.
- 6.3) Urusetia TOP akan mengemaskini pembetulan/ penambahbaikan/ penjelasan dan akan dipanjangkan kepada penyedia TOP untuk semakan dalam tempoh 3 hari selepas menerima minit daripada Pendaftar.
- 6.4) Pindaan TOP yang telah dikemaskini oleh urusetia TOP perlu dihantar semula dalam tempoh 2 hari selepas semakan oleh Bahagian/ Negeri/ Unit untuk kelulusan Pendaftar TOP.
- 6.5) Top pindaan yang telah diluluskan oleh Pendaftar akan direkodkan oleh urusetia TOP dan dikembalikan kepada Bahagian/ Negeri/ Unit

Carta alir Pindaan Tatacara Operasi Piawai (TOP)



7. Borang-borang

Pindaan borang-borang yang digunakan di dalam TOP yang dibangunkan.

8. Rujukan

Pindaan Bahan rujukan seperti Akta, Peraturan, Pekeliling, Standard, Garis panduan dan dokumen-dokumen yang menjadi rujukan atau sandaran TOP.

9. Lampiran


Pindaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan TOP yang dibangunkan (format, surat, memo, borang dan lain-lain).

10. Pematuhan

Kegagalan pegawai untuk mematuhi TOP Pendaftaran Tatacara Operasi Piawai Jabatan Pertanian boleh dikenakan Tindakan Tatatertib di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

11. Tarikh Kuatkuasa

TOP ini berkuatkuasa pada 20 Disember 2023

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh
Tandatangan			
Nama	NAZLI BIN MAT ARIS	HAFIZRAHIMI BIN OTHMAN	MOHD NAZRI BIN ABU SEMAN
Jawatan	Ketua Unit Perancangan Strategik	Ketua Seksyen Perancangan Strategik & Antarabangsa	Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
Tarikh	07 DEC 2023	08 DEC 2023	08 DEC 2023